

'Elder statesman' wajar balas jasa

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad meminta bekas pemimpin Umno yang kini menjadi 'elder statesman' jangan terus bersara, sebaliknya turut membantu dan membalas jasa parti, kecuali uzur.

"Janganlah setakat kenang saja. Balaskan jasa. Janganlah bersara dan menjadi 'elder states-

man' yang berkecuali melainkan jika kita uzur. Apa yang ada pada tiap seorang daripada kita hari ini adalah hasil perjuangan parti.

"Justeru itu, balaskan jasa parti. Janganlah kita rosakkan parti hanya kerana kita tidak mendapat kali ini sedangkan dahulu kita mengecapi banyak nikmat," katanya dalam

ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Menurut Presiden Umno, dari segi perjuangan parti tidak pernah berubah kerana Umno berjuang untuk kepentingan orang Melayu dan agama Islam. Cuma dari segi pendekatan, Umno sering berubah mengikut masa dan sekitar.

Dalam hubungan ini, buat kali pertama Dr Mahathir berpantun dalam ucapan dasarnya ia itu:

Pulau Pandan jauh ke tengah,

Gunung Daik bercabang tiga'

Hancur badan dikan-dung tanah'

Budi yang baik dikan-gang juga.